

FPL Tuan Rumah Mesyuarat JASUMA

Terakhir dikemaskini: Selasa, 27 Mac 2018 16:10 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 193

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 27 MAC –
Fakulti Pertanian
Lestari (FPL) Universiti
Malaysia Sabah (UMS)
Kampus Cawangan
Sandakan telah terpilih
sebagai tuan rumah
Mesyuarat
Jawatankuasa
Pengurusan Sumber
Manusia Universiti
Awam Malaysia
(JASUMA) baru-baru
ini.

Mesyuarat tersebut

menghimpun lebih 25 pegawai dari 16 Universiti Awam yang hadir.

Pengerusinya, No'man Ahmad menjelaskan, pemilihan FPL sebagai tuan rumah buat julung kalinya adalah bagi memberi kesempatan kepada ahli-ahli yang hadir untuk melihat keindahan kampus FPL serta bandar Sandakan dengan lebih dekat.

Hadir sama pada mesyuarat tersebut Ketua Bahagian Sumber Manusia UMS, Raffie Janau bersama tiga urusetia mesyuarat iaitu Juniezam Juka, Sharifah Rofidah Habib Hasan dan Roslan Gimba.